



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**KESEPADANAN MAKNA PERIBAHASA JEPUN DAN PERIBAHASA
MELAYU BERDASARKAN KONTEKS DAN AMALAN**

WAN SUHAILA BINTI WAN IDRIS

FBMK 2020 41



**KESEPADANAN MAKNA PERIBAHASA JEPUN DAN
PERIBAHASA MELAYU BERDASARKAN KONTEKS DAN AMALAN**



**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk
Ijazah Master Sastera**

Julai 2020

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

**KESEPADANAN MAKNA PERIBAHASA JEPUN DAN
PERIBAHASA MELAYU BERDASARKAN KONTEKS DAN AMALAN**

Oleh

WAN SUHAILA BINTI WAN IDRIS

UPM Julai 2020

Pengerusi : Zaid bin Mohd Zin, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Peribahasa merupakan ungkapan-ungkapan pendek yang mudah diingati dan mempunyai maksud berkias dan tersirat yang bertujuan memberi nasihat, peringatan, sindiran dan sebagai pedoman hidup yang diwarisi turun temurun.

Masyarakat Jepun dan masyarakat Melayu terkenal dengan kesantunannya dalam mengungkapkan sesuatu perkara yang dapat dicerminkan melalui peribahasa. Kajian persamaan makna peribahasa Jepun dan peribahasa Melayu menunjukkan wujudnya interaksi kedua-dua masyarakat dengan alam sekeliling dan benda yang paling rapat dengan kehidupan harian mereka.

Sehubungan itu, kajian ini menyenaraikan tiga objektif kajian iaitu pertama mengenal pasti persamaan makna dalam peribahasa Jepun dan peribahasa Melayu. Kedua, menganalisis persamaan makna peribahasa Jepun dan peribahasa Melayu berdasarkan corak pemikiran masyarakat Jepun dan masyarakat Melayu dan ketiga merumuskan persamaan makna peribahasa Jepun dan peribahasa Melayu berdasarkan konteks dan amalan. Metodologi kajian ini ialah menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Kajian yang mengaplikasikan Teori Relevans (1986,1995) ini menggunakan data bagi peribahasa Jepun, "*Nichiei Koji Kotowaza Jiten*" terbitan *Hokuseido Shote* (1994) dan *Kotowaza Jiten* yang diterbitkan oleh *Iwanami Shoten*, Tokyo (2000). Manakala data kajian yang dipilih untuk peribahasa Melayu ialah "Peribahasa Melayu: Penelitian Makna dan Nilai" terbitan Universiti Putra Malaysia (2011) sebagai data kajian.

Dalam kajian ini sebanyak 40 peribahasa telah dipilih untuk dianalisis merangkumi 20 peribahasa Melayu dan 20 peribahasa Jepun. Hasil kajian mendapati, terdapat empat unsur anggota badan, dua unsur tumbuhan, lima unsur haiwan, tiga bagi unsur alam benda dan unsur perasaan dan masing-masing satu bagi unsur adat, unsur rasa dan unsur tempat yang mempunyai persamaan makna.

Di samping itu, Teori Relevans jelas membuktikan kewibawaannya dalam menginterpretasikan dan merungkai persamaan makna peribahasa Jepun dan peribahasa Melayu. Kesimpulannya, kajian ini memberi kefahaman tentang persamaan pemikiran yang wujud di antara masyarakat Jepun dan masyarakat Melayu walaupun terdapat perbezaan budaya, pegangan agama dan kedudukan geografi.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
fulfilment of the requirement for the degree of Master of Arts

**SIMILARITIES IN MEANING IN JAPANESE AND MALAY PROVERBS
BASED ON CONTEXTS AND PRACTICES**

By

WAN SUHAILA BINTI WAN IDRIS

July 2020

Chairman : Zaid Bin Mohd Zin, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

Proverbs are short, easily remembered expressions containing implied meanings which convey advice, reminders, sarcasms or life guidance inherited from one generation to the next.

The Japanese and Malay communities are renowned for their decorousness in expressing their thoughts, and this is reflected through the use of proverbs. The study of similarities in meaning in both Japanese and Malay proverbs indicated that there are interactions between the two communities and the environment as well as other things which are closely-linked to their daily life.

Therefore, this study listed out three objectives: first, to identify the similarities in meaning in both Japanese and Malay proverbs; second, to analyse these similarities based on the communities' way of thinking; third, to summarise these similarities in meaning in Japanese and Malay proverbs based on their contexts and practices. The methodologies used in the study were library research and textual analysis. This study applied the Relevant Theory (1986, 1995). The research data for Japanese proverb were selected from "*Nichiei Koji Kotowaza Jiten*", published by *Hokuseido Shote* (1994) and "*Kotowaza Jiten*", published by *Iwanami Shoten*, Tokyo (2000). Meanwhile, the research data for Malay proverb were selected from "Peribahasa Melayu: Penelitian Makna dan Nilai" published by Universiti Putra Malaysia (2011).

In this study, 40 proverbs had been selected to be analysed: 20 Malay and 20 Japanese proverbs, respectively. The findings of the study revealed that four elements of human body part, two elements of plant, five elements of animal,

three elements of nature and emotion, and one element each for custom, sense and place were found to show similarities in meaning.

In addition, the Relevant Theory had been clearly proven to be reliable in interpreting and extricating the similarities in meaning in Japanese and Malay proverbs. In conclusion, this study provides understanding of the similarities in thought between the Japanese and Malay communities, despite the differences in culture, religious belief and geographical location.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah dengan limpah kurnia dan keizinanNya saya merasa bersyukur kerana tesis ini telah dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan sebagai syarat kelayakan memperoleh Ijazah Master Sastera dalam bidang Linguistik Bandingan Terapan.

Selama dua tahun di Universiti Putra Malaysia, telah banyak pengalaman dan ilmu dipelajari khususnya dalam penulisan ilmiah seperti tesis dan artikel. Jutaan terima kasih saya kepada Dr Zaid Mohd Zin selaku pengerusi jawatankuasa penyelia tesis yang banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan serta motivasi sepanjang saya menyiapkan tesis ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih ini kepada Bahagian Tajaan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia atas peluang tajaan yang diberikan iaitu Hadiah Latihan Persekutuan.

Jutaan terima kasih juga kepada kekanda saya iaitu Wan Zarina dan adinda Wan Norhuda serta kedua ibubapa angkat saya, ayahanda Mohd Nor Jamin dan Bonda Zaharah Mat Zin yang memberikan dorongan, sokongan dan doa serta kata-kata semangat dalam menyiapkan tesis ini.

Tidak lupa juga kepada Serizawa Sensei daripada Japan Foundation Kuala Lumpur yang banyak membantu mencari bahan terutamanya kajian berkaitan peribahasa Jepun. Buat semua sahabat seperjuangan saya, terima kasih atas perkongsian ilmu dan susah senang bersama dalam menyiapkan tesis ini. Seterusnya ucapan terima kasih ini juga khas buat mantan pensyarah, rakan-rakan atas ilmu dan doa kalian.

Wan Suhaila Wan Idris
GS46786

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sastera. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Zaid bin Mohd Zin, PhD

Penyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Penyelia)

Kamariah binti Kamarudin, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)



ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 10 September 2020

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya mengaku bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbangannya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modal pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Nama dan No.Matrik: Wan Suhaila binti Wan Idris, GS46786

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan : Dr. Zaid bin Mohd Zin

Tandatangan : _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : Profesor Madya Dr. Kamariah binti Kamarudin

JADUAL KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
BAB	
1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Definisi Peribahasa	1
1.3 Peribahasa dalam masyarakat Jepun dan masyarakat Melayu	2
1.3.1 Peribahasa Jepun	3
1.3.2 Peribahasa Melayu	7
1.4 Penyataan Masalah	10
1.5 Persoalan Kajian	11
1.6 Objektif Kajian	11
1.7 Kepentingan Kajian	12
1.8 Batasan Kajian	12
1.9 Definisi Operasional	13
1.10 Kesimpulan	13
2 SOROTAN KAJIAN	14
2.1 Pengenalan	14
2.2 Kajian Perbandingan Peribahasa	14
2.3 Kajian Makna dalam Peribahasa	18
2.4 Kajian Teori Relevans	20
2.5 Kesimpulan	21
3 METODOLOGI	22
3.1 Pengenalan	22
3.2 Reka Bentuk Kajian	22
3.3 Sampel Kajian	23
3.4 Rasional Pemilihan Bahan Kajian	23
3.5 Prosedur Kajian	24
3.6 Penganalisan Data	24
3.7 Kerangka Teori	25
3.7.1 Teori Relevans	25
3.8 Kerangka konseptual	28
3.9 Kesimpulan	29

4	DAPATAN DAN PERBINCANGAN	30
4.1	Pengenalan	30
4.2	Penganalisan Data Peribahasa Jepun dan Peribahasa Melayu	30
4.3	Dapatan Analisis Peribahasa Jepun dan Peribahasa Melayu	33
4.3.1	Peribahasa <i>kabe ni wa mimi ga aru</i> [壁には耳がある] dan “berkata siang pandang-pandang, berkata malam dengar-dengar”.	33
4.3.2	Peribahasa <i>uma no mimi ni nenbutsu</i> [馬の耳に念仏] dan “masuk telinga kanan, keluar telinga kiri”	36
4.3.3	Peribahasa <i>kuchi wa wazawai no kado</i> [口は災いの門] dan “kerana mulut badan binasa”	37
4.3.4	Peribahasa <i>hito no guchi niwa to wa taterarenu</i> [人の口には戸は立てられぬ] dan “mulut tempayan boleh ditutup, mulut manusia bagaimana menutupnya”	38
4.3.5	Peribahasa <i>uri o futatsu ni watta yo</i> [瓜を二つに割ったよ] dan peribahasa “bagaikan pinang dibelah dua”	40
4.3.6	Peribahasa <i>minoru hodo atama ga sagaru inaho kana</i> [実るほど頭が下がる稲穂かな] dan peribahasa “bawa resmi padi makin berisi makin merunduk”	42
4.3.7	Peribahasa <i>saru mo ki kara ochiru</i> [猿も木から落ちる] dan peribahasa “sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah jua”	43
4.3.8	Peribahasa <i>Ido no kaeru taikai o shirazu</i> [井戸の蛙大海を知らず] dan peribahasa “seperti katak di bawah tempurung”	45
4.3.9	Peribahasa <i>amai mono ni ari ga tsuku</i> [甘いものにありが着く] dan peribahasa “ada gula ada semut”	47
4.3.10	Peribahasa <i>ken-en no naka</i> [犬猿の仲] dan peribahasa “seperti anjing dengan kucing”	48
4.3.11	Peribahasa <i>neko ni koban</i> [猫に小判] dan peribahasa “memberi bunga kepada kera”	50
4.3.12	Peribahasa <i>chiri mo tsumoreba yama to naru</i> [ちりも積もれば山となる] dan peribahasa “sedikit-sedikit lama jadi bukit”	52
4.3.13	Peribahasa <i>nurenu saki no kasa</i> [濡れぬ先の傘] dan peribahasa “sedia payung sebelum hujan”	53

4.3.14	Peribahasa <i>kin ga areba baka mo danna</i> [金があれば馬鹿も旦那] dan peribahasa “ada wang abang sayang, tak ada wang abang melayang”	55
4.3.15	Peribahasa <i>Iki hajikaku yori, shinu ga mashi</i> [生き恥かくより、死ぬがまし] dan peribahasa “daripada hidup bercermin bangkai, lebih baik mati berkalang tanah”	56
4.3.16	Peribahasa <i>sui mo amai mo kuuta mono ga shiru</i> [酸いも甘いも食うた者が知る] dan peribahasa “banyak makan garam”	57
4.3.17	Peribahasa <i>kikuwa ittoki no haji kikanuwa matsudai no haji</i> [聞くは一時の恥聞かぬは末代の恥] dan peribahasa “malu bertanya sesat jalan”	59
4.3.18	Peribahasa <i>wakai no shinrō wa kaute mo seyo</i> [若いの辛勞は買うてもせよ] dan peribahasa “berakit-rakit dahulu, berenang-renang ketepian, bersakit-sakit dahulu bersenang-senang kemudian”	61
4.3.19	Peribahasa <i>kuraku o tomo ni suru</i> [苦樂をともにする] dan peribahasa “berat sama dipikul, ringan sama dijinjing”	63
4.3.20	Peribahasa <i>gou ni itte gou ni shitagau</i> [郷に入って郷に従う] dan peribahasa “masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak”	65
4.4	Rasional Teori dengan Dapatan Kajian	66
4.5	Kesimpulan	67
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	69
5.1	Pengenalan	69
5.2	Rumusan	69
5.3	Cadangan Kajian Akan Datang	70
5.4	Kepentingan Kajian Kepada Pelajar, Masyarakat dan Pengkaji	71
5.5	Kesimpulan	72
	BIBLIOGRAFI	73
	LAMPIRAN	80
	BIODATA PELAJAR	84
	SENARAI PENERBITAN	85

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
1	Persamaan makna peribahasa <i>kabe ni wa mimi ga aru</i> [壁には耳がある] dan peribahasa “berkata siang pandang-pandang, berkata malam dengar-dengar”	33
2	Persamaan makna peribahasa <i>uma no mimi ni nenbutsu</i> [馬の耳に念仏] dan peribahasa “masuk telinga kanan, keluar telinga kiri”.	36
3	Persamaan makna peribahasa <i>kuchi wa wazawai no kado</i> [口は災いの門] dan peribahasa “kerana mulut badan binasa”	37
4	Persamaan makna peribahasa <i>hito no guchi niwa to wa taterarenu</i> [人の口には戸は立てられぬ] dan peribahasa “mulut tempayan boleh ditutup, mulut manusia bagaimana menutupnya”	38
5	Persamaan makna peribahasa <i>uri o futatsu ni watta yo</i> [瓜を二つに割ったよ] dan peribahasa “bagaikan pinang dibelah dua”	40
6	Persamaan makna peribahasa <i>minoru hodo atama ga sagaru inaho kana</i> [実るほど頭が下がる稲穂かな] dan peribahasa “bawa rasmi padi makin berisi makin merunduk”	42
7	Persamaan makna peribahasa <i>saru mo ki kara ochiru</i> [猿も木から落ちる] dan peribahasa “sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah jua”	44
8	Persamaan makna peribahasa <i>ido no kaeru taikai o shirazu</i> [井戸の蛙大海を知らず] dan peribahasa “seperti katak di bawah tempurung”	45
9	Persamaan makna peribahasa <i>amai mono ni ari ga tsuku</i> [甘いものにありが着く] dan peribahasa “ada gula ada semut”	47
10	Persamaan makna peribahasa <i>ken-en no naka</i> [犬猿の仲] dan peribahasa “seperti anjing dengan kucing”	49
11	Persamaan makna peribahasa <i>neko ni koban</i> [猫に小判] dan peribahasa “memberi bunga kepada kera”	50
12	Persamaan makna peribahasa <i>chiri mo tsumoreba yama to naru</i> [ちりも積もれば山となる] dan peribahasa “sedikit-sedikit lama jadi bukit”	52

- 13 Persamaan makna peribahasa *nurenu saki no kasa* [濡れぬ先の傘] dan peribahasa “sedia payung sebelum hujan” 53
- 14 Persamaan makna peribahasa *kin ga areba baka mo danna* [金があれば馬鹿も旦那] dan peribahasa “ada wang abang sayang, tak ada wang abang melayang” 55
- 15 Persamaan makna peribahasa *iki hajikaku yori, shinu ga mashi* [生き恥かくより、死ぬがまし] dan peribahasa “daripada hidup bercermin bangkai, lebih baik mati berkalang tanah” 56
- 16 Persamaan makna peribahasa *sui mo amai mo kuuta mono ga shiru* [酸いも甘いも食うた者が知る] dan peribahasa “banyak makan garam” 58
- 17 Persamaan makna peribahasa *kikuwa ittoki no haji kikanuwa matsudai no haji* [聞くは一時の恥聞かぬは末代の恥] dan peribahasa “malu bertanya sesat jalan” 60
- 18 Persamaan makna peribahasa *wakai no shinrō wa kaute mo seyo* [若いの辛勞は買うてもせよ] dan peribahasa “berakit-rakit dahulu, berenang-renang ketepian, bersakit-sakit dahulu bersenang-senang kemudian” 62
- 19 Persamaan makna peribahasa *kuraku o tomo ni suru* [苦樂をともにする] dan peribahasa “berat sama dipikul, ringan sama dijinjing” 63
- 20 Persamaan makna peribahasa *gou ni itte gou ni shitagau* [郷に入って郷に従う] dan peribahasa “masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak” 65

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
1	Jenis peribahasa Jepun	4
2	Komponen dalam Peribahasa Melayu	9
3	Reka Bentuk Kajian	23
4	Kerangka Konseptual	28
5	Persamaan Makna dan Unsur Peribahasa Jepun dan Peribahasa Melayu	31



SENARAI SINGKATAN

PM Peribahasa Melayu

PJ Peribahasa Jepun



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bahasa adalah salah satu alat komunikasi yang penting dalam kehidupan manusia sama ada berbentuk tulisan atau lisan. Terdapat pelbagai bahasa yang digunakan oleh manusia untuk berinteraksi antara satu sama lain. Bahasa juga digunakan sebagai alat untuk memperkembangkan ilmu pengetahuan, budaya, menyebarkan dan menyampaikan maklumat. Menurut Kamal Shukri Abdullah Sani (2007) bahasa mencerminkan akal budi, fikiran, budaya, jiwa dan roh sesuatu bangsa. Beliau juga menjelaskan peranan bahasa sebagai wadah keintelektualan dan tamadun bangsa dunia.

Masyarakat Jepun dan masyarakat Melayu merupakan bangsa yang masih berpegang dengan adat ketimuran iaitu kedua-dua masyarakat ini mempunyai sifat toleransi yang tinggi dan menggunakan tutur kata sopan. Adat ini masih kekal sehingga kini dalam kehidupan mereka. Oleh itu, bahasa juga bukan sahaja dapat menentukan budaya malah mencerminkan corak pemikiran yang berbeza dalam sesebuah masyarakat. Hal ini jelas diperlihatkan melalui penggunaan bahasa masyarakat Jepun dan masyarakat Melayu dalam komunikasi. Salah satunya komunikasi yang mencerminkan corak pemikiran kedua-dua masyarakat ini ialah penggunaan peribahasa dalam kehidupan seharian mereka.

1.2 Definisi Peribahasa

Kamus Dewan Edisi Keempat (2016) mentakrifkan peribahasa sebagai ayat atau kelompok yang mempunyai susunan yang tetap dan mengandungi pengertian tertentu seperti bidalan dan pepatah. Manakala Agus Trianto (2006) pula mentakrifkan peribahasa sebagai kelompok kata atau kalimat yang susunannya tetap, biasanya mengisi maksud tertentu. Peribahasa terdiri daripada perbandingan, perumpamaan, nasihat, prinsip hidup atau aturan tingkah laku.

Menurut Wolfgang Mieder (2004), peribahasa merupakan ayat pendek yang mengandungi kebijaksanaan, kebenaran, moral dan pandangan tradisional dalam bentuk metafora. Peribahasa juga berbentuk tetap yang diwarisi dari generasi ke generasi. Tokita Masamizu (2000) dalam *Kotowaza Jiten* menjelaskan bahawa terdapat pelbagai pengertian pada peribahasa antaranya, peribahasa merupakan cabang perkataan yang mengungkapkan kebijaksanaan hidup sejak sekian lama, pengajaran pendek yang berkesan kepada masyarakat dan sebagainya. Manakala Adisthi Martha Yohani (2016)

telah memetik Izuru Shimura (1973) dalam *Koujien* yang menjelaskan definisi peribahasa adalah satu ayat pendek yang mengandungi kata-kata kebenaran, moral dan digunakan dalam kiasan.

Sapinah Haji Said (2015) pula, mendefinisikan peribahasa sebagai ayat yang tersusun pendek, menepati makna dan pengertian yang ingin disampaikan. Seterusnya Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan (2011) mentakrifkan peribahasa sebagai satu bentuk bahasa yang merakam perihal, keadaan, sifat, kejadian dan sebagainya. Peribahasa menggunakan medium bahasa yang ringkas, puitis, berirama dan sebagainya. Selain itu, Abdul Aziz Abdul Rahman (2015) pula menjelaskan bahawa peribahasa sebagai ungkapan yang mantap dari segi bentuk dan susunannya dengan makna yang tetap. Ungkapan ini mungkin tidak difahami secara langsung daripada makna literalnya kerana dikiaskan mengikut budaya Melayu dan daripada kaca mata orang Melayu.

Takrifan ini dilengkapkan lagi oleh Abdullah Hussain (2006), yang menyatakan peribahasa merupakan cabang sastera lama yang dimiliki oleh semua bangsa di dunia. Justeru, jelaslah bahawa peribahasa merupakan kemahiran penciptaan peribahasa yang dimiliki para pengarang karya sastera yang dianggap bakat semula jadi.

Manakala tokoh terkenal Sasterawan Negara seperti Zainal Abidin Ahmad atau Za'ba (1965) mendefinisikan peribahasa sebagai segala susunan cakap pendek yang melekat di mulut orang ramai semenjak beberapa lama oleh sebab sedap didengar, bijak perkataannya, luas dan benar tujuannya. Keris Mas (1990) pula menjelaskan peribahasa adalah jenis gaya percakapan atau ujaran yang berisi kebijaksanaan fikiran dan pemerhatian yang tersusun dalam bentuk ringkas, indah, sedap didengar dan benar pada fikiran serta perasaan.

Dengan kata lain, peribahasa adalah susunan ayat pendek, tepat dan puitis. Peribahasa juga merupakan salah satu cabang sastera lama yang diwarisi dari duhulu hingga kini. Peribahasa bertujuan memberi nasihat dan teguran serta mengandungi peraturan kepada masyarakat. Selain itu, hubungan masyarakat dengan alam sekeliling, kebudayaan, kepercayaan dan kekeluargaan dapat dicerminkan melalui peribahasa.

1.3 Peribahasa dalam masyarakat Jepun dan masyarakat Melayu


Secara tradisi masyarakat Jepun dan masyarakat Melayu terkenal dengan kesantunannya dalam mengungkapkan sesuatu perkara. Hal ini dicerminkan melalui peribahasa dengan penggunaan bahasa yang melambangkan falsafah hidup dan keunikan budaya sesuatu masyarakat. Selain itu, peribahasa juga mencerminkan watak dan refleksi sesuatu bangsa.

1.3.1 Peribahasa Jepun

Peribahasa Jepun telah direkodkan wujud pada Era *Heian* (794-1185) lagi. Pada pertengahan Era *Heian* kamus peribahasa yang dikenali sebagai *Sezokugenmon* telah diterbitkan. Manakala pertengahan Era *Edo* (1603-1868), kamus klasik dari China telah disesuaikan dan dibawa masuk ke Jepun. Pada era ini juga, lahirnya golongan sastera yang dikenali sebagai *Kyoka*. Pada akhir Era *Edo*, *Kyoka* merupakan satu bentuk hiburan kepada rakyat ketika itu. Peribahasa yang dibawa dari China mempunyai karakter kanji sepenuhnya yang dikenali sebagai *yojijukugo* [四字熟語]. Namun begitu, pada Era *Edo* (1600-1868), peribahasa diterbitkan dalam koleksi seperti *Kefukigusa*, yang meningkatkan populariti dan nilai mata wang ketika itu. Selain elemen didaktik yang sering berlaku, banyak peribahasa yang dicipta bersifat lucu, penghinaan atau kritikan kepada masyarakat pendukungnya. (<http://kotowazoo.com/1kiso/rekisi.html>)

Oleh yang demikian, peribahasa Jepun juga seperti peribahasa Melayu mengandungi kata-kata sindiran yang tajam, pengajaran, peraturan kehidupan dan umumnya meluahkan kebenaran melalui kata-kata pendek daripada generasi ke generasi. Peribahasa juga terhasil daripada pengalaman dan pengetahuan melalui pemerhatian masyarakat. Nakajima Takashi (1996) dalam *Shinsen Kanyoku No Jiten* menyatakan peribahasa Jepun boleh diibaratkan seperti peribahasa “lidah lebih tajam daripada mata pedang”. Hal ini memberikan kefahaman bahawa setiap perkataan yang digunakan dalam peribahasa memberi kesan yang mendalam kepada orang lain.

Justeru, jelas bahawa peribahasa bersifat universal. Setiap masyarakat di dunia memiliki peribahasa yang telah lama wujud dalam budaya mereka (Shamsudin Ahmad, 2007). Pendapat ini disokong oleh Naomi Arimura *et.al* (1994) dalam *Nichiei Koji Kotowaza Jiten* yang menyatakan bahawa peribahasa bersifat unik dan universal. Keunikan ungkapan ini berpunca daripada keistimewaan masyarakat, bahasa dan kawasan yang didiami dari sosial budaya masyarakat. Oleh hal yang demikian, terdapat persamaan makna antara peribahasa yang berasal dari budaya dan bahasa yang berbeza. Misalnya dalam peribahasa Melayu, “Sepandai-pandai tupai melompat akhirnya jatuh ke tanah jua” yang membawa maksud walaupun pandai seseorang itu akan melakukan kesilapan juga. Peribahasa ini mempunyai persamaan makna dengan peribahasa Jepun iaitu “*Saru mo ki kara ochiru*” (monyet juga jatuh dari pokok). Hal ini menunjukkan kedua-dua masyarakat ini mempunyai daya pemikiran dan pemerhatian yang tajam terhadap kehidupan dan alam yang berada di sekeliling mereka.



Rajah 1 : Jenis peribahasa Jepun

Berdasarkan Rajah 1, pengkaji mendapati bahawa peribahasa Jepun atau *kotowaza* berbeza daripada kategori peribahasa Melayu. Peribahasa Jepun terbahagi kepada 3 jenis iaitu *kanyouku* [慣用句] (idiom), *yojjukugo* [四字熟語] (empat idiom kanji) dan *iinarawashi* [言い習わし] (kata-kata bijak). Peribahasa ini berfungsi sebagai menyindir atau mengkritik, memberi nasihat serta teguran, menyampaikan ilmu pengetahuan dan permainan.

Nakajima Takashi (1996) menjelaskan makna *kanyouku*[慣用句] (idiom) tidak wujud dalam kata tunggal. *Kanyouku* [慣用句] merupakan gabungan beberapa perkataan atau ungkapan yang mempunyai makna yang tersendiri. Antara contoh *kanyouku* [慣用句] :

- 1) PJ: *Saru mo ki kara ochiru* [猿も木から落ちる]
(Monyet pun jatuh dari pokok).

Makna: Walaupun pandai seseorang itu, akan melakukan kesilapan juga.

(Naomi Arimura et.al,1994)

- 2) PJ: *Neko ni koban* [猫に小判]
(Memberi duit emas kepada kucing).

Makna: Memberi barang berharga kepada yang tidak tahu menilai.

(Naomi Arimura *et.al*,1994)

- 3) PJ: *Nana korobi ya oki* [七転び八起き]
(Tujuh tahun jatuh, lapan tahun bangun).

Makna: Jangan berputus asa walaupun banyak mengalami kegagalan.

(Naomi Arimura *et.al*,1994)

Yojjukugo [四字熟語] merupakan idiom kanji yang hanya menggunakan empat huruf kanji dalam membentuk sesuatu peribahasa. *Yojjukugo* [四字熟語] mempunyai makna konotasi yang mendalam kerana kesederhanaannya yang terdapat dalam klasik Cina. Menurut Kojima Menyū (1991), *yojjujug* [四字熟語] ini lahir daripada kecemerlangan dan pengalaman serta pemikiran ahli falsafah. Berikut adalah antara contoh *yojjujug* [四字熟語] :

- 1) PJ: *Juu nin juu iro* [十人十色]
(Sepuluh orang sepuluh warna)

Makna: Setiap orang mempunyai pemikiran dan keperibadian yang berbeza.

(Naomi Arimura *et.al*, 1994)

- 2) PJ: *Akuin akka* [悪因悪果]
(Sebab yang buruk menghasilkan keputusan yang buruk).

Makna: Jika melakukan sesuatu perkara yang tidak baik, akan menjadi sebab perkara yang buruk.

(Naomi Arimura *et.al*,1994)

- 3) PJ: *Isseki nichō* [一石二鳥]
(Membunuh dua burung dengan satu batu).

Makna: Melakukan satu perkara, mendapat dua keuntungan.

(Naomi Arimura *et.al*,1994)

linarawashi [言い習わし] adalah kata-kata bijak atau hikmat (Omiya Shiro, 1986). Antara contoh *iinarawashi* [言い習わし] ialah:

- 1) PJ: *Anzuru yori umu yasushi* [案ずるより産むが易し]
(Membuat lebih mudah daripada merancang).

Makna: Melakukan sesuatu lebih mudah daripada memikirkannya.

(Naomi Arimura *et.al*,1994)

- 2) PJ: *Shiranu ga hotoke* [知らぬが仏] .
(Dewa Buddha tidak mengetahui).

Makna: Keadaan tidak mengetahui sesuatu perkara adalah lebih baik.

(Naomi Arimura *et.al*,1994)

Fungsi peribahasa Jepun seperti yang disenaraikan dalam *Dai Hyakka Jiten* II (Shimonaka Yasaburo, 1972) dalam Sriwahyu Istana Trahutami (2015) terbahagi kepada tiga:

- 1) *Kogekiteki Kotowaza* (Bersifat Ofensif)

Peribahasa ini biasanya digunakan untuk menyindir, mengkritik dan sebagai alat kecekapan berbicara dalam pertandingan.

Contoh:

PJ: *Nou aru taka wa tsume o kakusu* [能ある鷹は爪を隠す]
(Helang yang hebat menyembunyikan kukunya).

Makna: Seseorang yang mempunyai kebolehan tidak akan menggunakan kehebatan sesuka hati.

(Naomi Arimura *et.al*,1994)

- 2) *Keikenteki kotowaza* (bersifat empirik atau pengalaman)

Peribahasa ini sering ditemui dalam peribahasa Jepun. Digunakan untuk mengungkapkan pengalaman hidup, pengetahuan dan kepercayaan. Selain itu, peribahasa ini juga berkait rapat dengan pertanian, perikanan, cuaca dan kehidupan.

Contoh:

PJ: *Asayake wa ame, yuuyake wa hare* [朝焼けは雨、夕焼け晴れ] .

(Langit merah waktu pagi tandanya hujan, langit merah waktu senja tandanya cerah).

Makna: Langit merah di waktu pagi tandanya hujan, langit merah di senja hari tandanya cerah.

(Naomi Arimura *et.al*,1994)

3) *Kyokenteki kotowaza* (Bersifat didaktik atau mengajar)

Peribahasa yang mengandung pendidikan, moral, etika dan nasihat. Peribahasa ini juga dijadikan sebagai pedoman dalam melakukan sesuatu tindakan.

Contoh:

PJ: *Inu wa mikka kaeba sannen on o wasurenu* [犬は三日飼えば三年恩を忘れぬ] .

(Seekor anjing walaupun dijaga selama tiga hari, tidak akan melupakan tuannya selama selama tiga tahun).

Makna: Anjing pun tahu membalas budi. Oleh itu, manusia perlu tahu mengenang budi dan membalas segala kebaikan.

(Naomi Arimura *et.al*,1994)

1.3.2 Peribahasa Melayu

Bermulanya kewujudan atau penggunaan peribahasa dalam kalangan masyarakat Melayu tidak dapat ditentukan sehingga kini. Namun begitu, kehidupan dan peradaban sesuatu bangsa dipercayai seiring dengan lahirnya peribahasa. Abdullah Hussain (2004) menyatakan bahawa peribahasa sama tua dengan suatu bangsa dan mula digunakan sejak manusia mengenali peradaban ketika organisasi kehidupan perlu diatur, batas antara yang baik dengan yang buruk perlu diadakan untuk menjadi pendinding tata tertib pergaulan dan perhubungan sesama manusia.


Sejajar dengan itu, berpegang pada adat ketimuran yang tinggi, masyarakat Melayu terkenal dengan kesopanan, kelembutan dalam tutur bicara sehari-harian. Hal ini bersandarkan kepada pegangan agama Islam dalam masyarakat Melayu. Oleh yang demikian, masyarakat Melayu lebih gemar berlapis daripada berterus terang apabila berbicara. Menurut Shamsuddin

Ahmad (2007), menjadi kebiasaan manusia apabila bercakap atau ingin menyampaikan rasa hati, ada kalanya kita berterus terang dan ada kalanya kita berselindung. Oleh itu, peribahasa digunakan oleh orang Melayu untuk menyampaikan maksud secara halus dan berlapik. Hal ini diperkukuh lagi oleh Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan (2011) yang memetik bahawa A.W. Hamilton (1982) menyatakan masyarakat Melayu menjadikan peribahasa sebagai hukum adat, nasihat, moral dan peraturan dalam masyarakat. Orang Melayu juga menggunakan peribahasa sebagai pedoman hidup.

Oleh itu, tujuan peribahasa itu sendiri membawa nasihat dan pujian tanpa menyinggung perasaan dan menyenangkan hati orang yang mendengar. Maka kritikan, peringatan dan nasihat dalam peribahasa adalah untuk kebaikan anggota masyarakat mereka. Menurut Asmah Haji Omar (2015) dalam peribahasa, tergambar fizikal, alam dan budaya Melayu serta minda mereka semuanya tersimpul dalam bahasa yang ringkas, padat dan indah. Oleh yang demikian, keindahan peribahasa Melayu bukan hanya pada perlambangan dan susunan kata-katanya, malah peribahasa Melayu memaparkan tingkah laku, ketinggian ilmu dan falsafah yang terbit dari akal budi orang Melayu (Junaini Kasdan *et.al*, 2016).

Sehubungan dengan itu, Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan (2011) dalam bukunya "Peribahasa Melayu: Peneilitan Makna dan Nilai" membahagikan peribahasa Melayu kepada lima komponen iaitu simpulan bahasa, perumpamaan, bidalan, pepatah dan kata-kata hikmat. Manakala Abdul Aziz Abdul Rahman (2015) dalam "Kamus Peribahasa" pula membahagikan bentuk peribahasa Melayu kepada empat komponen iaitu simpulan bahasa, perumpamaan, bidalan dan pepatah. Namun begitu, Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (2004) menyatakan dalam "Koleksi Terindah Kamus Peribahasa Melayu" meletakkan peribahasa di bawah bahasa kiasan iaitu peribahasa dan bukan peribahasa. Peribahasa terdiri daripada simpulan bahasa, bidalan, perumpamaan dan pepatah. Manakala personifikasi, metafora dan hiperbola digolongkan sebagai bukan peribahasa.

Oleh yang demikian, secara umumnya komponen peribahasa Melayu dibahagikan kepada lima iaitu simpulan bahasa, perumpamaan, bidalan, pepatah dan kata-kata hikmat yang boleh dilihat pada Rajah 2 di bawah ini:



Rajah 2 : Komponen dalam Peribahasa Melayu

Simpulan bahasa ialah ungkapan yang terdiri daripada dua atau tiga patah perkataan dan mempunyai makna yang tersirat daripada makna asal perkataan tersebut. Biasanya digunakan untuk menggambarkan tingkah laku, situasi atau perangai secara spontan. (Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan, 2011). Antara contoh simpulan bahasa seperti 'langkah kanan' yang bermaksud bernasib baik, 'buka mulut' bermaksud seseorang memulakan percakapan dan 'makan masa' bermaksud sesuatu perkara yang dilakukan mengambil masa atau tempoh yang lama.

Seterusnya, perumpamaan pula merupakan perbandingan tingkah laku manusia dengan sesuatu yang ada di alam sekelilingnya. Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan (2011) berpendapat bahawa biasanya perumpamaan dimulai dengan 'seperti', 'umpama', 'bak', 'bagai', 'ibarat', 'laksana' dan 'macam' untuk menunjukkan perbandingan. Berikut adalah contoh perumpamaan iaitu "bagaikan aur dengan tebing" bermaksud masyarakat yang hidup tolong menolong antara satu sama lain dan "bak alu pencungkil duri" bermaksud orang melakukan kerja yang sia-sia.

Seterusnya bidalan pula susunan kata yang digunakan secara umum untuk memberi pengajaran dan nasihat kepada masyarakat sekeliling. Pengajaran dan nasihat yang disampaikan mestilah tidak secara terus tetapi disampaikan secara berkias dan bersahaja agar tidak menyinggung perasaan orang lain.

Hal ini disokong oleh Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan (2011) iaitu bidalan disampaikan secara berkias dan bersahaja serta mempunyai maksud tersirat. Antara contoh bidalan itu adalah “kasih padi buangkan rumput-rumput” yang membawa maksud seandainya kita mengasihi anak-anak dan isteri, janganlah kita mengasihi perempuan lain dan “sampah jangan ditendang disepak” membawa maksud seseorang yang miskin janganlah kita menghinanya.

Selain itu, pepatah juga dikatakan sama dengan bidalan tetapi mempunyai rangkaian perkataan yang dikerat-kerat atau berpatah-patah. Pepatah mempunyai makna tersirat dan tersurat. Tujuan pepatah adalah untuk memberi kesedaran, mendidik masyarakat untuk lebih berhati-hati dalam membuat sesuatu (Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan, 2011) Antara contoh pepatah ialah “bacang dibungkus, baunya keluar juga” iaitu sesuatu perbuatan buruk atau keji tidak dapat disembunyikan dan “biar mati anak, jangan mati adat” iaitu adat yang dipegang sejak turun temurun tidak boleh dilanggar dan wajib diikuti.

Seterusnya kata-kata hikmat pula merupakan perkataan orang bijak pandai yang mengandungi falsafah, pengajaran dan pedoman hidup. Kata-kata hikmat biasanya mempunyai maksud yang mendalam dan benar. Kata-kata hikmat yang sering digunakan adalah “bersatu teguh, bercerai roboh” bermaksud sesebuah masyarakat mestilah bersatu padu antara satu sama lain kerana jika kita tidak bersatu padu, kita akan berpecah belah. Selain itu, “maju bangsa maju negara” yang bermaksud sesebuah bangsa yang maju akan menyebabkan negaranya maju dan “kita mesti menanti waktu, waktu tidak menanti kita” yang membawa maksud kita haruslah menghargai masa kerana masa akan berlalu begitu sahaja tanpa menanti kita.

1.4 Penyataan Masalah

Terdapat beberapa kajian yang dilakukan oleh sarjana tempatan berkaitan perbandingan peribahasa Melayu dengan peribahasa asing. Antaranya kajian oleh Dinie Asyraf Salehan (2017) bertajuk “Metafora Konsepsi dan Pemikiran dalam Peribahasa Melayu dan Perancis Berkaitan Haiwan” menganalisis persamaan dan perbezaan penggunaan metafora konsepsi berkaitan haiwan dalam kedua-dua peribahasa. Sementara Hairul Nisma Wahab (2017) pula dalam “Persamaan Makna Peribahasa Sepanyol dan Melayu Berunsurkan Haiwan” menggunakan Teori Segitiga Ogden dan Richard (1923). Manakala kajian bertajuk “Analisis Strategi Terjemahan Peribahasa Melayu Ke Bahasa Arab” oleh Nurul Hanis Ibrahim (2014) pula menggunakan Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris sebagai data kajian untuk melihat persamaan makna peribahasa Arab dan Melayu.

Seterusnya terdapat juga kajian perbandingan peribahasa yang melibatkan masyarakat majmuk seperti Melayu, Cina dan India. Ragini Ravagan dan Che Ibrahim Haji Salleh (2015) dalam kajiannya menggunakan Hipotesis Safir-Whorf untuk mengenal pasti persamaan peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil dari aspek sosial. Sementara itu, kajian yang bertajuk “Perbandingan Pentafsiran Leksikal Haiwan dalam Peribahasa Melayu dengan Peribahasa Cina dan Tamil” oleh Amira Razlan (2013) bertujuan memahami persamaan dan perbezaan pemikiran masyarakat dari segi penggunaan dan makna leksikal haiwan.

Kesemua kajian tersebut adalah melibatkan perbandingan peribahasa Melayu dengan peribahasa pelbagai masyarakat antaranya seperti masyarakat Perancis, Sepanyol dan Arab. Begitu juga perbandingan bahasa yang dituturi oleh masyarakat majmuk seperti Melayu, Cina dan India telah berkembang. Kajian perbandingan peribahasa Indonesia dan peribahasa Jepun juga agak berkembang namun begitu kajian perbandingan peribahasa Melayu dan peribahasa Jepun masih belum diterokai secara mendalam. Oleh yang demikian, kajian perbandingan untuk melihat persamaan makna peribahasa Jepun dan peribahasa Melayu amat perlu dijalankan. Melalui kajian tersebut, persamaan dan perbezaan antara budaya, geografi, kepercayaan, adat dan bahasa kedua-dua masyarakat Jepun dan masyarakat Melayu dapat diterjemahkan. Justeru, terdapat kepentingan untuk melaksanakan kajian persamaan makna peribahasa Jepun dengan peribahasa Melayu supaya bidang kajian peribahasa dapat berkembang dan bergerak seiring mengikut perkembangan ilmu kebahasaan dalam bidang keilmuan bahasa.

1.5 Persoalan Kajian

1. Apakah terdapat persamaan makna peribahasa Jepun dan peribahasa Melayu?
2. Apakah persamaan peribahasa Jepun dan peribahasa Melayu berdasarkan corak pemikiran masyarakat Jepun dan masyarakat Melayu?
3. Sejauh mana peribahasa Jepun dan peribahasa Melayu mempunyai persamaan makna berdasarkan konteks dan amalan?

1.6 Objektif Kajian

1. Menenal pasti persamaan makna dalam peribahasa Jepun dan peribahasa Melayu.
2. Menganalisis persamaan makna peribahasa Jepun dan peribahasa Melayu berdasarkan corak pemikiran masyarakat Jepun dan masyarakat Melayu.
3. Merumuskan persamaan makna peribahasa Jepun dan peribahasa Melayu berdasarkan konteks dan amalan.

1.7 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini untuk menjelaskan persamaan makna yang wujud antara peribahasa Jepun dan peribahasa Melayu. Penciptaan peribahasa antara dua masyarakat banyak dipengaruhi oleh budaya dan alam sekeliling masyarakat tersebut. Menurut Abdullah Hassan (2015), setiap bangsa di dunia mempunyai peribahasanya sendiri. Peribahasa juga mencerminkan watak bangsa tersebut. Oleh itu, dengan memahami peribahasa sesuatu bangsa secara tidak langsung kita dapat memahami pemikiran bangsa tersebut juga.

Kajian ini juga dapat menunjukkan terdapat persamaan pemikiran antara orang Jepun dan orang Melayu walaupun terdapatnya perbezaan geografi dan budaya yang mempengaruhi kehidupan mereka. Contoh peribahasa Jepun *saru mo ki kara ochiru* [猿も木から落ちる] (monyet juga jatuh dari pokok) dan peribahasa Melayu “Sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah jua” mempunyai maksud yang sama iaitu sepandai-pandai seseorang itu, akan melakukan kesilapan juga. Maka dengan adanya kajian ini, para pelajar juga dapat menambahkan pengetahuan berkaitan perbezaan budaya antara kedua bangsa dengan lebih mendalam.

Kajian ini merupakan perintis kepada kajian perbandingan peribahasa Jepun dan peribahasa Melayu kerana tidak pernah ada kajian sebegini dilaksanakan sebelum ini. Dengan kelompangan inilah membuktikan bahawa betapa pentingnya kajian ini harus dijalankan untuk menimbulkan minat para pelajar dan sarjana bagi memahami serta mengkaji perbandingan peribahasa Jepun dan peribahasa Melayu dengan lebih jelas.

1.8 Batasan Kajian

Antara peribahasa yang dipilih dalam kajian ini merangkumi peribahasa Jepun diambil daripada *Nichiei Koji Kotowaza Jiten* (1994) oleh Naomi Arimura *et.al* terbitan Hokuseido Shoten yang mengandungi 2483 yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris. *Kotowaza Jiten* (2000) pula ditulis oleh Tokita Masamizu yang diterbitkan oleh Iwanami Shoten, Tokyo mengandungi 1284 peribahasa beserta huraian setiap maksud peribahasa. Manakala, peribahasa Melayu yang dipilih pula diambil daripada koleksi *Peribahasa Melayu: Penelitian Makna dan Nilai* oleh Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan (2011) yang diterbitkan oleh Universiti Putra Malaysia. Teks peribahasa yang mengandungi himpunan daripada empat teks peribahasa Melayu seperti Kitab Kitaran Budi, Kamus Istimewa Peribahasa Melayu, 1001 Peribahasa Melayu dan Peribahasa SPM. Teks yang mempunyai 5750 peribahasa beserta makna, nilai dan tema dipecahkan kepada beberapa subgenre seperti simpulan bahasa, perumpamaan, bidalan, pepatah dan kata-kata hikmat.

Batasan kajian ini hanya menumpukan kepada persamaan yang terdapat dalam peribahasa dan mempunyai kesejajaran dalam beberapa unsur. Hasil daripada pemilihan persamaan peribahasa tersebut, didapati ada beberapa unsur dalam kategori yang sama. Maka unsur-unsur tersebut dikategorikan seperti unsur peribahasa seperti anggota badan, unsur tumbuhan, unsur haiwan, unsur alam benda, unsur adat, unsur rasa, unsur perasaan dan unsur tempat. Selain itu, pengkaji juga membataskan pemilihan peribahasa yang mempunyai elemen-elemen seperti budaya dan amalan bagi kedua-dua masyarakat dalam penciptaan peribahasa. Hal ini disebabkan kedua-dua peribahasa tersebut dapat memperlihatkan corak pemikiran masyarakat Jepun dan masyarakat Melayu dalam menyampaikan mesej melalui peribahasa. Analisis yang telah dilakukan berdasarkan batasan kajian, didapati sebanyak 20 peribahasa Jepun dan 20 peribahasa Melayu sesuai dijadikan bahan kajian.

1.9 Definisi Operasional

Kajian Persamaan Makna

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2016) definisi 'kajian' dinyatakan sebagai hasil daripada mengkaji sesuatu. "Persamaan" pula ditakrifkan perihal sama sifat-sifatnya dan lain-lain. Manakala definisi "makna" dinyatakan sebagai erti atau maksud sesuatu perkataan dan lain-lain. Oleh itu, dalam kajian ini penggunaan perkataan "persamaan makna" adalah untuk melihat persamaan makna, kiasan dan unsur yang terdapat dalam peribahasa Melayu dan peribahasa Jepun.

Peribahasa

Peribahasa didefinisikan sebagai bidalan, pepatah, ayat atau kelompok kata yang tetap susunannya dan mempunyai maksud tertentu (Kamus Pelajar Edisi Kedua, 2016). Tujuan peribahasa adalah memberi nasihat, peringatan, sindiran dan sebagai pedoman hidup. Peribahasa juga merupakan sastera lisan yang diwarisi daripada generasi ke generasi.

1.10 Kesimpulan

Bab I menjelaskan tentang pengenalan, latar belakang kajian tentang peribahasa, permasalahan kajian dan persoalan kajian, objektif kajian hingga organisasi kajian. Seterusnya bab II akan membincangkan sorotan kajian perbandingan peribahasa, kajian makna dalam peribahasa dan kajian lampau berkaitan teori Relevans (Sperber & Wilson 1986, 1995).

BIBLIOGRAFI

- Abdul Aziz Abdul Rahman (2015). *Kamus Peribahasa*. Subang Jaya: Pan Asia Publications Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan (2015). *Sang Budiman (Penyusun Dahlia Janan & Sri Lanang Jaya)*. Batu Caves: PTS Akademia.
- Abdullah Hussain (2006). *Kumpulan Peribahasa Canai Budi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hussain (2004). *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adisthi Martha Yohani. (2016). Kotowaza Dalam Kajian Kognitif: Penerapan Gaya Bahasa Sinekdok. *Izumi*. 5 (2):24-32.
- Agus Trianto (2006). *Pasti Bisa Perbahasan Kompetensi*. Jakarta: Penerbitan Erlangga
- Ahmad Fuad Mat Hassan. (2010). *Bahasa Dan Pemikiran Dalam Peribahasa Melayu Dari Sudut Pragmatik*. (Tesis Master). Universiti Purta Malaysia, Serdang, Selangor.
- Ainon Mohd & Abdullah Hassan (2004). *Koleksi Terindah Peribahasa Melayu*. Batu Caves: PTS Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Amira Razlan. (2013). *Perbandingan Pentafsiran Leksikal Haiwan Dalam Peribahasa Melayu, Cina dan Tamil*. (Tesis Master). Universiti Purta Malaysia, Serdang, Selangor.
- Anggita Kesuma Wardani. (2015). *Analisis Persamaan Perbandingan Peribahasa Jepun yang Terbentuk dari Kata Hito dengan Peribahasa Indonesia*. (Tesis Master) Universitas Negeri Semarang.Semarang, Indonesia.
- Asmah Haji Omar (2015). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aurelia Tanjung A. (2013). Analisis Makna Kosakata *Horongi* 'Harimau' Beserta Diksi dan Fungsi Pada Peribahasa Korea: Kajian Semantik. (Skripsi Sarjana). Universiti Gadjah Mada. Jakarta, Indonesia.
- Ayu Andirawati. (2014). *Penggunaan Nama Anggota Tubuh dalam Peribahasa Jerman dan Padanannya dalam Bahasa Indonesia*. (Skripsi Sarjana). Fakulti Bahasa dan Seni. Universiti Yogyakarta. Jakarta, Indonesia.

- Devita Widyaningtyas Yogyanti. (2018). Konsep 'Saru' Sebagai Refleksi Konsep Pemikiran Masyarakat Jepang Terhadap Monyet. *Izumi*.7(2):1-8.
- Dinie Asyraf Salehan. (2017). *Metafora Konsepsi dan Pemikiran Dalam Peribahasa Melayu dan Perancis Berkaitan Haiwan*. (Tesis Master). Universiti Purta Malaysia, Serdang, Selangor.
- Emmons, L.H. (2006). *Tupai A Field Study of Bornean Treeshrews*. Berkeley & Los Angeles: University of California Press, Ltd.
- Eva Chairani. (2017). Kajian Kognitif Semantik Penggunaan Anggota Tubuh dalam Peribahasa Indonesia. Seminar N.M.I: 1-10
- Hairul Nisma Wahab. (2017). *Persamaan Makna Dalam Peribahasa Sepanyol dan Melayu Berunsurkan Haiwan*. (Tesis Master). Universiti Putra Malaysia, Sedang, Selangor.
- Hamilton A.W. (1982). *Malay Proverbs*. Singapura: Eastern Universities Press Sdn. Bhn.
- Haru Hana. (2014). Sexual Discrimination in Mongolia and Japanese Proverbs *Kajian Kebudayaan Antarabangsa*. 2:101-113.
- Hasmidar Hassan & Jafizah Jaafar. (2016). Penginterpretasian Peribahasa dan Hubungan dengan Kemahiran Berfikir: Analisis Berdasarkan Teori Relevans. *Jurnal Dewan Bahasa*. 16(1):94-119.
- Hishamudin Isam & Mashetoh Abd. Mutalib. (2017). Simbol "Minyak" dalam Peribahasa Melayu: Analisis Makna dan Perspektif Linguistik Kognitif. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*.10 (2):179-198.
- Hishamudin Isam & Mashetoh Abd. Mutalib. (2015). Pemahami Pemikiran Melayu Melalui Pembangkaian Leksis Darah dalam Peribahasa. *Jurnal Melayu*. Bil.14(2):190-201.
- Ido Mizu [Air Telaga]. Diambil daripada https://ido-mizu.com/katei_ido. Tarikh akses: 08 Julai 2020.
- Imran Ho Abdullah. (2011). Analisis Kognitif Semantik Peribahasa Melayu Bersumberkan Anjing. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*. 11(1):125-141.
- Japan An Illustrated Encyclopedia. (1999). Tokyo, Japan : Kondansha Ltd.
- Jumia Elvita, Hana Nismashita & Yenny Aristia Nasution. (2015). Analisis Makna peribahasa Jepang Menggunakan Unsur Ikan. *Jurnal online Mahasiswa*. 2(2):1-13. Diambil daripada

<https://www.neliti.com/publications/205564/>. Diakses pada: 20 Mei 2017.

Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin & Wan Nurashikin Wan Ismail. (2016). Ikan (Pisces) dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *International Journal of Malay World and Civilization (Iman)*. 4 (1): 31-42.

Diambil daripada <http://journalarticle.ukm.my/10898/1/IMAN>. Diakses pada: 23 Disember 2016.

Ka, H.K. (2013). A Comparative Study About Proverbs That Include Physical Term in Japanese and Korean Language. *Tottori University Education Research* (3): 49-57. Diambil daripada <https://ci.nii.ac.jp/nrid/9000242353309>. Diakses pada 22 Mei 2017.

Ka, H.K. & Norio, Y. (2007). A Comparative Study on Proverb Pertaining to Words Related to The Body Between Japanese and Korean. *Bulletin of Faculty of Education Okayama University* (34): 29-36. Diambil daripada <http://ousar.lib.okayama-u.ac.jp/ja/list/>. Diakses pada: 22 Mei 2017.

Kamal Shukri Abdullah Sani (2007). *Bahasa Melayu: Apa Sudah Jadi*. Batu Caves: Selangor. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Kamal Zarif (2017). *I'm A Backpacker: Japan*. Batu Caves, Selangor: Open Bridge Publications.

Kamus Dewan Edisi Keempat (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Pelajar Edisi Kedua (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Malaysia.

Keris Mas (1990): *Perbincangan Gaya Bahasa Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kojima, M. (1991). *Dictionary of Yojijukugo For Speech Making*. Tokyo, Japan: Shueisha.

Kotowaza No Rekishi [Sejarah Peribahasa]. Diambil daripada <http://kotowazoo.com/1kiso/rekisi.html>. Diakses pada 22 Januari 2017.

M. Tangaprabu & Mary Fatimah Subet. (2018). Imej Rumput dalam Peribahasa Tamil: Suatu Kajian Semantik Inkuistik. *Issue in language Studies*. 17(1):37-56. Diambil daripada <http://www.ils.unimas.my/images/pdf/>. Diakses pada 30 Mac 2019.

- M. Tangaprabu, Mary Fatimah Subet & Muhammad Zaid Daud. (2018). Kajian Semantik Inkuisitif dalam Peribahasa Tamil: Imej Tumbuhan. *Sains Humanika*.11(1):73-80.
- Mary Fatimah Subet. (2018). Analisis Teori Relevans dalam Metafora. *Jurnal Bahasa*. Jilid 18(1): 159-188.
- Mastura Labombang & Nirmalawati Nirmalawati. (2017). Pemafaatan Tempurung Kelapa Sebagai Panel Akustik. *Seminar Nasional Sistem Informasi 2017.14* September 2017. Diambil daripada: <https://scholar.google.com/scholar?clust>. Diakses pada 08 Julai 2020.
- Mieder, W. (2004). *Proverbs A Handbook*. United State of Amerika: Greenwood Publishing Group.
- Mohd Azhar Zakaria (2007). *Info Malaysia (Siri Kenali Negara Kita)*. Melaka: Pustaka Ilham.
- Muhamad Ali Embi (2007). *Cabaran Dunia Pekerjaan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributions Sdh. Bhd.
- Muhamad Muzammil Mohd Noor (2012). *Guru Melayu Dan Pelatih Di Kedah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Murayama, M. (1994). *Kotowaza Kanyouku Omoshiro Jiten*. Tokyo, Japan: Sa.E. Ra Shobō.
- Muthia Hanindar dan Rizki Andisi. (2017). Analisis Makna *Kotowaza* Terbentuk dari Kata Anjing dan Padanannya dalam Peribahasa Bahasa Indonesia. *JAPANOLOGY*. 15 (2):146-157. Diambil daripada: <http://journal.unair.ac.id/> Diakses pada 22 Mei 2019.
- Nakajima, T. (1996). *Shinsen Kanyoku No Jiten*. Tokyo, Japan. Shogakukan.
- Naomi Arimura, Kevin P. Dobbyn, Leo J. Meads, Stephen Ryan & Lora Sharnoff (1994): *Koji Kotozawa Jiten*. Tokyo, Japan: Hokuseido Shoten.
- Nihon Hakugaku Kurabu [Kelab Penyelidikan Jepun]. (2002). Tokyo, Japan: PHP Interface.
- Nor Fazilah Noor Din. (2016). Perluasan Makna Payung Dalam Kalangan Pengguna Bahasa Melayu Berdasarkan Analisis Semantik Kognitif. *Proceeding of ICECRS*: 799-810. Diambil daripada: <http://ojs.umsida.ac.id/index.php/icecrs/article/view/557>. Diakses pada 28 Mei 2019.

- Noraini Abdul Shukor & Tengku Melina Tengku Mohd Ali. (2016). Padi sebagai Tanda Dalam Peribahasa Melayu. *Jurnal Melayu*.Vol.5(1):26-49. Diambil daripada:<http://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/view/14135>. Diakses pada 20 Mei 2019.
- Norhuda Salleh. (2017). *Ritual Simbol Dalam Adat Perkahwinan Melayu Sekinchan, Selangor*. (Tesis PhD). Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Noriati A. Rashid. (2005). Nilai Kesantunan dalam Konteks Sosialbudaya Masyarakat Melau. *Jurnal Pengajian Melayu*. Jilid 15: 232-253
- Nurul Hanis Ibrahim. (2014). *Analisis Strategi Perterjemahan Peribahasa Melayu ke Bahasa Arab*. (Tesis Sarjana). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Omiya, S. (1986). Analisis Kotowaza: Fungsi Sosial. *Tokaigakuin Buletin Tokai Women University*: (6).
- Oo, Y. (2014). 犬に関する日中対照比較考[Kajian Perbandingan Peribahasa China-Jepun Mengenai Anjing]. *Journal of International Education*. (18):30-41. Diambil daripada:<http://ousar.lib.okayama-u.ac.jp/ja/list/>. Diakses pada 27 Julai 2017.
- Pelita Bahasa (2016). *Kuasa Kemahiran Bahasa Bukannya Meneka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahmawati Iskandar. (2006). *Analisis Peribahasa Jepang dan Indonesia yang Menggunakan Kata "Kera" (Saru)*. *Skripsi Sarjana*. Fakultas Pendidikan dan Seni. Universit Pendidikan Indonesia, Indonesia. Diambil daripada: <http://docplayer.info/73057615> Diakses pada 26 Disember 2016.
- Ragini Ravagan & Che Ibrahim Haji Salleh. (2015). Peribahasa Melayu dan Peribahasa Tamil: Aspek Sosial. *Journal of Bisness and Social Development*. Vol.3(1)66-75. Diambil daripada: <http://jbsd.umt.edu.my>. Diakses pada 16 Nov. 2016.
- Ragini Ravagan (2016). Perbandingan Aspek Leksikal dan Makna dalam Peribahasa Melayu dan Peribahasa Tamil. (Tesis Sarjana). Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.
- Resa Sindi Harja. (2014). Bentuk dan Makna Peribahasa Bahasa Indonesia yang Terbentuk Oleh Unsur Tumbuhan, Jenis-jenis Tumbuhan dan Lain-lain Berkaitan Tumbuhan. *Bastera Sastra: Antologi Bahasa dan Sastra Indonesia*.Vol.2(2):1-8. Diambil daripada <http://ejournal.upi.edu/index.php/>. Diakses pada 10 Jan. 2018.
- Resta Yulyasa, Ahmad Rabi'ul Muzammil & Agus Syahrani. (2017). Leksikon Nama Tumbuhan Dalam Peribahasa Masyarakat Melayu Sekadau. *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran*. Vol 6 (8):1-9. Diambil daripada

<https://media.neliti.com/media/publications/216628-none.pdf>. Diakses daripada 22 Mei 2019.

- Reynolds, G. (2013). *Presentationzen Design*. United State Amerika: New Riders.
- Saidatul Nornis dan Mohd Rosdi Saamah (2013). Haiwan Sebagai Perlambangan dalam Peribahasa Orang Semai. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*. Volume 13(1):83-98. Diambil daripada: <http://ejournal.ukm.my/gema/article/view/2224>. Diakses pada 11 Okt. 2017.
- Sansom, G. B. (2016). *Japan A Short Cultural Historal*. Singapura: Tittle Publishing.
- Sapinah Haji Said (2015). *Kamus Peribahasa Melayu*. Johor Bahru, Johor: Pelangi e-Publishing Sdn. Bhd.
- Sara Bidin. (2016). *Nilai Murni Dalam Gurindam "Beberapa Petua Hidup"*. Pelita Bahasa: Dewan Bahasa dan Pustaka. Diambil daripada <http://pbahasa.dbp.my/wordpress/?p=1078>. Diakses pada 21 Mei 2019
- Shaharir Mohamad Zain (2015). *Istilah dan Konsep Pengukuran Tradisional Alam Melayu*. Pulau Pinang: Penerbitan Universiti Sains Malaysia.
- Shamsuddin Ahmad (2007). *Kamus Peribahasa Inggeris-Melayu*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Shimonaka, Y. (1972). *Dai Hyakka Jiten: Great Japanese Encyclopedia*. Heibonsha: Tokyo, Japan.
- Shimura, I. (1973). *Kaujien*. Tokyo: Iwatani Shauten.
- Siti Sarah Nadirah Aziz (2014). *Santun Adat Pertunangan Dalam Masyarakat Melayu*. Pulau Pinang: Penerbitan Universiti Sains Malaysia
- Sperber, D. & Wilson, D. (1999). *Relevans Komunikasi & Kognitif (penterjemah Nor Hashimah Jalaluddin)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sperber, D. & Wilson, D. (1995). *Relevance Theory: Communication and Congnition*. Oxfords: Blake Well.
- Sperber, D. & Wilson, D. (1986). *Relevance Communication and Congnition*. Massachusetts: Harvard University Press.
- Sriwahyu Istana Trahutami. (2015). Nilai Sosial Budaya Jepang dalam Peribahasa Jepang yang Menggunakan Konsep Binatang. *Jurnal Izumi*. Vol.5(1):64-71.

- Sriwahyu Istana Trahutami. (2013). Nilai Budaya Melayu Dalam Peribahasa Jepang. *Sabdf*. Vol.8:43-51.
- Suhana Saad & Kartini Aboo@Khalid. (2015). Implikasi Budaya Kerja Jepun dalam Organisasi di Malaysia. *GEORAFIA Online™ Malaysia Journal of Society and Space*. 11 issue 6:1-10.
- Supit, M. I. (2013). *Fusion Food Pesta Pasta Ala Jepang*. Jakarta, Indonesia: Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama.
- Tierney, E. O. (1987). *The Monkey as Mirror: Symbolic Transformations in Japanese History and Ritual*. New Jersey: Princeton University Press.
- Tokita, M. (2000). *Kotowaza Jiten*. Tokyo, Japan: Iwanami Shoten.
- Trifunny Jaizah. (2019). *Makna Denotasi dan Konotasi Peribahasa Jepang Yang Terbentuk Dari Kata Neko*. (Skripsi Sarjana). Bahasa dan Budaya Jepang, Fakultas Ilmu Budaya. Universitas Diponegoro, Semarang, Indonesia. Diambil daripada: <http://eprints.undip.ac.id/71562/> Diakses pada 22 Mei 2019.
- Yuanita Ari Minarso. (2015). Analisis Kontrastif Peribahasa Jepang dan Indonesia Menggunakan Kata “Orang” (Hito). *Jurnal Ilmiah Mahasiswa FIB*. Vol.2 (10):1-10. Diambil daripada: <http://jimbastrafib.student> Diakses pada 01 Jan. 2017.
- Wan Norashikin Wan Ismail. (2015). Kucing dalam Peribahasa Melayu. Diambil daripada: <http://klikweb.dbp.my/wordpress/?p=8363>. Diakses pada 19 Disember 2019.
- Zaid Mohd Zin & Wan Suhaila Wan Idris (2017). *Kajian Persamaan Makna Peribahasa Melayu dan Peribahasa Jepun*. Jurnal Bahasa dan Budaya Jepun. Universiti Malaya. Jilid 7:19-33.
- Zainal Abidin Ahmad (za'ba). (1965). *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan (2011). *Peribahasa Melayu: Penelitian Makna dan Nilai*: Universiti Purta Malaysia.

BIODATA PELAJAR



Wan Suhaila binti Wan Idris. Dilahirkan pada 4 Januari 1975 di Kampung Limbong, Paka, Terengganu. Beliau mempunyai kelulusan ikhtisas Diploma perguruan Malaysia dalam bidang pengajian Muzik dan pengajian bahasa Melayu. Seterusnya beliau juga merupakan graduan lulusan *B.A Hons Japanese Language & Literature* dan *Sijil Teaching Japanese as a Foreign Language* dari Kyorin University, Jepun. Berpengalaman pengajar bahasa Jepun di Sekolah Menengah Sains Dungun selama 6 tahun sebelum melanjutkan pengajian di peringkat sarjana di Universiti Putra Malaysia.

SENARAI PENERBITAN

Jurnal Akademik

Zaid Mohd Zin & Wan Suhaila Wan Idris (2017). *Kajian Persamaan Makna Peribahasa Melayu dan Peribahasa Jepun*. Jurnal Bahasa dan Budaya Jepun. Universiti Malaya. Jilid 7, 2017.

Prosiding / Pembentangan

Zaid Mohd Zin & Wan Suhaila Wan Idris (2017). *Perbandingan Peribahasa Melayu dan Peribahasa Jepun: Fokus Kepada Persamaan Makna*. The 14th International Conference on Japanese Language Education in Malaysia. 7-8 Oktober 2017. Ambang Asuhan Jepun. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.

Zaid Mohd Zin & Wan Suhaila Wan Idris (2018). *Penggunaan Anggota Tubuh Badan dalam Peribahasa Melayu dan Peribahasa Jepun*. Malaysia International Conference on foreign Languages (MICFL2018). 7-8 Mac, 2018. University Putra Malaysia. Sedang, Selangor.



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : Semester Kedua 2019/2020

TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

KESEPADANAN MAKNA PERIBAHASA JEPUN DAN PERIBAHASA MELAYU

BERDASARKAN KONTEKS DAN AMALAN

NAMA PELAJAR : WAN SUHAILA BINTI WAN IDRIS

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

*sila tandakan (✓)

SULIT

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

AKSES TERBUKA

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

PATEN

Embargo _____ hingga _____
(tarikh) (tarikh)

Pengesahan oleh:

(Tandatangan Pelajar)
No Kad Pengenalan / No Pasport.:

Tarikh :

(Tandatangan Pengerusi JawatankuasaPenyeliaan)
Nama:

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]